A

Pendakwa Raya v Goh Lee Shen

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42A–47 TAHUN 2006
ZAINAL AZMAN PK
20 OCTOBER 2008

C

Undang-Undang Jenayah — Akta Pencegahan Rasuah 1997 s 11(a) — Elemen-elemen untuk mengasaskan kes prima facie — Sama ada dibuktikan — Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah — Sama ada keterangan pengadu diimbangi dengan keseluruhan keterangan — Sama ada anggapan di bawah s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997 disangkal atas imbangan kebarangkalian

D

Inspektor Goh Lee Shen ('responden') dihadapkan atas dua pertuduhan di bawah s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (APR). Responden tidak mengaku salah dan memohon kes dibicarakan. Pihak pendakwaan gagal mengasaskan kes prima facie terhadap responden bagi kedua-dua pertuduhan maka responden dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Pihak pendakwaan membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dan oleh itu responden diarah membela diri terhadap kedua-dua pertuduhan berkenaan. Hakim bicara seterusnya mendapati pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pihak pendakwaan. Perayu menyatakan, antara lain, bahawa: i) Mahkamah Tinggi telah memutuskan kes tersebut sudah dibuktikan secara prima facie; ii) hakim bicara mempertikaikan keterangan pengadu (SP4) tanpa menilai keterangan tersebut dengan mengimbanginya dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan; dan iii) pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah apatah lagi menyangkal anggapan di bawah s 42 APR atas imbangan kebarangkalian. Perayu seterusnya menyatakan bahawa pihak pendakwaan telahpun membuktikan kes secara prima facie, maka intipati pertuduhan telah dibuktikan dan dengan itu segala intipati kedua-dua pertuduhan telah berjaya diasaskan terhadap responden, antara lain, bahawa reponden adalah seorang ejen kerajaan Malaysia; responden telah menerima rasuah bagi dirinya sebanyak RM12,000 dan RM3,000 daripada SP4. Dengan itu perayu menghujah bahawa hakim mahkamah sesyen telah khilaf dengan mempersoalkan keterangan SP4. Walau bagaimanapun, pihak responden menghujah bahawa hakim mahkamah sesyen tidak khilaf dalam pendekatan yang diambil selepas perintah hakim Mahkamah Tinggi dipertimbangkan dengan sewajarnya apabila hakim mahkamah sesyen memilih versi keterangan responden berdasarkan kebolehpercayaan dan kredibiliti

E

F

G

H

I

responden. Responden menghujah seterusnya bahawa hakim mahkamah sesyen telah menilai semua keterangan SP4 dan saksi-saksi pendakwaan bagi menentukan sama ada wang RM3,000 diserahkan kepada responden, walhal wang berkenaan didapati dalam bungkusan plastik mee goreng dan bukan di badan responden. Maka rayuan ini oleh perayu terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Hakim mahkamah sesyen semasa mendengar dan menilai keseluruhan keterangan responden dan Koperal Tan ('SD2') telahpun mengambil kira akan perintah hakim Mahkamah Tinggi, yang telah memanggil responden membela diri terhadap kedua-dua pertuduhan kerana satu kes prima facie telah diasaskan, dan menimbangkannya dengan keterangan SP4. Pendekatan hakim mahkamah sesyen adalah betul dan tidak berlaku kekhilafan (lihat perenggan 21).

(2) Hakim mahkamah sesyen telah mengambil pendekatan memilih versi yang mempunyai lebih kredibiliti serta memutuskan keterangan responden dan SD2 telah berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan (lihat perenggan 22).

(3) Bagi pertuduhan pertama pihak pendakwaan gagal memperjelaskan yang responden telah menerima wang tunai RM12,000 dan oleh kerana beban tersebut terlekat di atas bahu pihak pendakwaan tetapi beban tersebut tidak berjaya diasaskan dan mahkamah tidak boleh menganggap responden telah melakukannya. Pihak pendakwaan masih mempunyai beban mengasaskan kes prima facie bahawa pembebasan SP4 dan rakan-rakan yang lain adalah disebabkan responden telah menerima wang RM12,000 tersebut dan bukan atas sebab lain (lihat perenggan 23).

(4) Bagi pertuduhan kedua, hakim mahkamah sesyen telah menilai keterangan responden akan perangkap yang diaturkan SP4 dengan pihak Badan Pencegah Rasuah ('BPR') di restoran tetapi tiada seorang pun saksi-saksi dari BPR benar-benar melihat SP4 menyerahkan wang tunai RM3,000 kepada responden kerana wang berkenaan dijumpai dalam bungkusan plastik mee (lihat perenggan 25).

[Bahasa Malaysia summary

Inspector Goh Lee Shen ('respondent') faced two charges under s 11(a) of the Anti-Corruption Act 1997 ('Act'). The respondent pleaded not guilty and prayed that the case be tried. The prosecution had failed to establish a prima facie case against the respondent for the two charges and the respondent was acquitted without calling for his defence. The prosecution appealed to the

A High Court and was ordered to enter defence against the said two charges. The trial judge subsequently found the defence had succeeded in raising a reasonable doubt on the prosecution's case. The appellant alleged, inter alia, that: (i) the High Court had decided that a prima facie case was established; (ii) the trial judge had disputed the complainant's evidence (SP4) without
B evaluating the evidence by considering the overall evidence adduced; and (iii) the defence had failed to raise a reasonable doubt and also to rebut the presumption under s 42 of the Act on the balance of probabilities. The appellant further stated that the prosecution had established a prima facie case, and the essence of the charge had been proved and therefore the essence
C of the two charges had been established against the respondent, inter alia, that the respondent was a government agent of Malaysia; the respondent had received a bribe for himself for the sum of RM12,000 and RM3,000 from SP4. Thus the appellant submitted that the sessions court judge had erred when questioning SP4's evidence. However, the respondent submitted that
D the sessions court judge did not err in the approach taken after considering the order of the High Court judge accordingly when the sessions court chose the respondent's version of evidence based on the respondent's accountability and credibility. The respondent further submitted that the sessions court
E judge had considered the overall evidence of SP4 and the prosecution's witnesses by determining whether the monies of RM3,000 was given to the respondent, even though the said monies was found in a fried noodle plastic wrapper and not on the respondent. Hence this appeal by the appellant against the decision.

F

Held, dismissing the appeal:

(1) The sessions court judge, in hearing and evaluating the overall evidence
G of the respondent and Corporal Tan ('SD2') had considered the High Court's order in calling the respondent to enter defence against the two charges as a prima facie case had established, and had been considered with SP4's evidence. The sessions court judge's approach was correct and he had not erred (see para 21).

H

(2) The sessions court judge had taken the approach to choose the version that was more credible and found that the evidence of the respondent and SD2 was successful in raising a reasonable doubt on the prosecution's case (see para 22).

I (3) In the first charge the prosecution had failed to explain that the respondent had accepted the cash money of RM12,000 and as the burden was on the prosecution it was however not been established and the court could not presume that the respondent had committed it. The prosecution still had the burden of establishing a prima facie case that

the acquittal of SP4 and his friends was due to the respondent accepting the RM12,000 and not because of any other reason (see para 23).

(4) For the second charge, the sessions court judge had evaluated the respondent's evidence on the trap planned by SP4 and the Anti-Corruption Agency ('ACA') at the restaurant but there was no witnesses from the ACA who had actually witnessed SP4 handing the cash money of RM3,000 to the respondent as the said monies was found in a noodle plastic wrapper (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai elemen-elemen untuk mengasaskan kes prima facie, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 18.

Kes-kes yang dirujuk

Andy bin Bagindah v PP [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289, MR (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
Lai Kin Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Mohd Johi bin Said & Anor v PP [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Rasuah 1997 ss 11(a), 42

Mohammad Abazafree Mohd Abbas (Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara) (Roziza bt Sidek Timbalan Pendakwa Raya, Badan Pencegah Rasuah bersama dengannya) bagi pihak pendakwaan.
Hisyam Teh Poh Teik (Muhammad Faiz Fadzil bersama dengannya) (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak responden.

Zainal Azman PK:

LATAR BELAKANG

[1] Goh Lee Shen (OKT/responden) telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas 2 pertuduhan di bawah s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. OKT tidak mengaku salah dan pohon kes dibicarakan.

[2] Keterangan saksi pendakwaan, SP1–SP15 telah didengar oleh Puan Khadijah Idris manakala saksi SP16–SP18 telah didengar di hadapan Pn Rosemari Abdul Rahman.

[3] Di akhir kes pendakwaan Pn Rosemari memutuskan pihak pendakwaan telah gagal mengasaskan satu kes prima facie terhadap OKT bagi kedua-dua pertuduhan dan dengan itu OKT dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan tanpa dipanggil membela diri.

A **[4]** Pihak pendakwaan yang tidak berpuas hati akan keputusan tersebut telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Pada 14 Oktober 2005, hakim Mahkamah Tinggi YA Dato' Ahmad Maarof telah membenarkan rayuan perayu dan telah memerintahkan responden membela diri akan kedua-dua pertuduhan berkenaan.

B

[5] Ekoran daripada perintah tersebut, kes pembelaan telah dipanggil di mana SD1 (OKT) dan SD2 telah memberikan keterangan mereka. Di akhir kes pembelaan, Hakim Rosemari telah memutuskan pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan dan dengan itu, OKT telah sekali lagi dilepaskan dan dibebaskan.

C

[6] Pihak pendakwaan yang sekali lagi kecewa dengan keputusan tersebut telah memfailkan rayuan atas pembebasan OKT dan rayuan telah didengar di mahkamah ini.

D

ASAS RAYUAN PERAYU

E **[7]** Pihak pendakwaan melalui petisyen rayuan bertarikh 23 Februari 2007 telah menyatakan tiga isu utama bagi rayuan dibuat iaitu:

(i) Hakim bicara bertindak mempersoalkan semula fakta-fakta yang membentuk kesalahan sedangkan kes ini telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi bahawa kes telah dibuktikan secara prima facie;

F

(ii) Hakim bicara mempersoalkan kredibiliti SP4 dan keterangannya secara per se tanpa menilai keterangan tersebut dengan mengimbanginya dengan keseluruhan keterangan yang ada;

G (iii) Hakim bicara menerima keterangan pembelaan yang bersifat *afterthought* sedangkan pembelaan tersebut gagal menimbulkan keraguan munasabah apatah lagi menyangkal anggapan di bawah s 42 APR atas imbangan kebarangkalian.

H **[8]** Hujahan perayu sepertimana penghujahan bertulis yang difailkan menyatakan bahawa oleh kerana hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar rayuan telah menyatakan bahawa pendakwaan telahpun membuktikan kes secara prima facie, maka ini bermakna intipati pertuduhan telah dibuktikan dan dengan itu, segala intipati kedua-dua pertuduhan telah berjaya diasaskan,

I iaitu:

(a) OKT adalah seorang agen Kerajaan Malaysia;

(b) OKT telah menerima secara rasuah untuk dirinya sebanyak RM12,000 dan RM3,000 daripada SP4;

(c) Andaian di bawah s 42 APR bahawa wang RM12,000 adalah secara rasuah, begitu juga RM3,000 bagi pertuduhan kedua.

[9] Namun begitu, hakim mahkamah sesyen dalam alasan penghakimannya masih lagi mempertikaikan keterangan SP4 walaupun ianya diterima oleh hakim Mahkamah Tinggi. Begitu juga dengan mempertikaikan keterangan SP4 akan persoalan bagaimana wang tunai RM3,000 boleh berada dalam beg plastik merah. Ini bermakna hakim mahkamah sesyen masih lagi menggunakan hujahan semasa rayuan kali pertama dikemukakan akan kredibiliti keterangan SP4 yang mana dianggap telah diterima oleh hakim Mahkamah Tinggi semasa membenarkan rayuan berkenaan.

[10] Dengan itu, dihujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen telah khilaf dengan mempersoalkan keterangan SP4 dan menyatakan bahawa keterangan SP4 amat diragui.

[11] Pihak perayu juga menyatakan pembelaan responden/OKT adalah *afterthought* dan hanya *bare denial*. Oleh kerana keterangan pihak pembelaan gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan, maka mahkamah sepatutnya mendapati responden/OKT bersalah sepertimana kedua-dua pertuduhan.

HUJAHAN RESPONDEN

[12] Pihak responden dalam penghujahannya pula menyatakan bahawa hakim mahkamah sesyen telahpun mengambilkira perintah hakim Mahkamah Tinggi dalam menimbangkan rayuan perayu dan dengan itu, hakim mahkamah sesyen telah menumpukan mindanya kepada isu yang betul. Ini bermakna hakim mahkamah sesyen tidak khilaf dalam pendekatannya dalam mendengar kes pembelaan sepertimana tercatat di ms 89 rekod rayuan.

[13] Oleh kerana hakim mahkamah sesyen berhadapan dengan dua versi yang berbeza, hakim mahkamah sesyen telah memilih versi OKT/responden semasa memberikan keterangan dan pendekatan ini adalah betul dan tepat, sepertimana keputusan kes *Mohd Johi bin Said & Anor v Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389. Dengan itu, versi OKT telah dipilih atas kebolehpercayaan dan kredibiliti.

[14] Hakim mahkamah sesyen juga telah menilai keterangan SP4 (pengadu) secara keseluruhannya dan dengan mengambilkira keterangan SD2 (Kpl Tan) hakim mahkamah sesyen mendapati keterangan SP4 adalah meragukan kerana terdapat banyak percanggahan yang material, lebih-lebih

A lagi keterangan SP4 tidak disokong oleh mana-mana saksi akan persoalan sama ada wang RM12,000 telah benar-benar diserah.

[15] Bagi pertuduhan kedua pula, responden menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen telah menilai semula keterangan SP4 dan saksi-saksi
B pendakwaan lain sama ada wang RM3,000 telah diserah kepada OKT, sedangkan wang berkenaan didapati dalam bungkusan plastik mee goreng dan bukan di badan OKT. Oleh itu, keterangan SP9 dan SP12 adalah diragui kerana terdapat banyak percanggahan yang material.

C

[16] Secara keseluruhannya, pihak responden berhujah hakim mahkamah sesyen tidak tersalah arah apabila beliau memutuskan bahawa pihak pembelaan telah berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan akan kedua-dua pertuduhan dan pohon perintah pembebasan
D responden dikekalkan dan menolak rayuan pihak perayu/pendakwaan.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

E **[17]** Di tahap ini (kes pembelaan) adalah menjadi tugas saya untuk menentukan sama ada keterangan pihak pembelaan (SD1, SD2) telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Oleh kerana hakim rayuan telah memutuskan bahawa satu kes prima facie telah diasaskan oleh pihak pendakwaan bagi kedua-dua pertuduhan, maka saya akur akan
F keputusan tersebut dan tidak akan mempertikaikannya.

[18] Memandangkan hakim rayuan telah menolak dapatan fakta (finding of fact) yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen, maka adalah wajar bagi hakim rayuan memberikan alasan kenapa beliau memutuskan satu kes prima
G facie telah diasaskan dan pertimbangan akan hal-hal di bawah ini diputuskan secara jelas; iaitu:

(i) Kebolehterimaan keterangan SP4 (pengadu) secara keseluruhannya bagi pertuduhan pertama dan kedua;

H (ii) Sama ada SP4 benar-benar telah membuka sampul surat mengandungi wang suapan RM12,000 di bilik sebelah;

(iii) Sama ada OKT/responden telah benar-benar terima wang RM12,000 tersebut;

I (iv) Sama ada SP4 dan rakan-rakannya dibebaskan atas penerimacara wang RM12,000 oleh OKT/responden;

(v) Sama ada OKT/responden benar-benar meminta wang tambahan RM3,000 daripada SP4 untuk pembebasan dua lagi pekerjanya;

(vi) Sama ada SP4 telah menyerahkan wang RM3,000 kepada OKT dan OKT telah benar-benar terima wang RM3,000 tersebut;

(vii) Sama ada keterangan SP4 benar-benar telah disokong oleh saksi-saksi BPR yang lain (SP8, SP9, SP12); dan

(viii) Sama ada intipati-intipati kedua-dua pertuduhan telah benar-benar terasas.

Jika tidak, hakim mahkamah sesyen akan tercari-cari akan apakah alasan sebenar kes prima facie diputuskan.

[19] Saya dengan ini merujuk kepada kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 di mana mahkamah menyatakan, antara lain:

> This view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

[20] Begitu juga dalam kes *Lai Kin Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 di mana mahkamah menyatakan:

> In the final analysis, it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject.

[21] Meneliti keseluruhan alasan penghakiman, saya dapati hakim mahkamah sesyen telah menyedari akan perintah hakim Mahkamah Tinggi yang telah memanggil responden untuk membela diri akan kedua-dua pertuduhan kerana satu kes prima facie telah diasaskan. Oleh itu, hakim mahkamah sesyen semasa mendengar dan menilai keseluruhan keterangan SD1 dan SD2 telahpun mengambil kira akan hal tersebut dan menimbangkannya dengan keterangan SP4. Ini bagi saya adalah satu pendekatan yang betul dan tidak berlaku kekhilafan kerana hakim mahkamah sesyen telah 'address her mind to the evidence adduced by both SD1, SD2'.

[22] Hakim mahkamah sesyen di sini telah mengambil pendekatan dalam memilih versi mana yang lebih 'credible' dan boleh dipercayai dan memutuskan keterangan SD1 dan SD2 telah berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Lihat kes *Mohd Johi bin Said & Anor v Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389.

[23] Bagi pertuduhan pertama, hakim mahkamah sesyen meragui akan keterangan SP4 akan bagaimana SP4 boleh bergerak bebas di dalam balai

polis sedangkan waktu itu SP4 dalam tahanan reman di mana SP4 boleh pergi ke tingkat 1 dan tingkat 3 serta menerima panggilan telefon dan bertemu SD2 untuk menerima sampul yang dikatakan mengandungi wang rasuah RM12,000. SP4 juga tidak membuka sampul surat berkenaan dan tidak lihat ianya mengandungi wang tunai RM12,000. Juga soal di mana sebenarnya envelop tersebut diletakkan dan sama ada OKT telah sebenarnya menerima wang berkenaan. Tiada mana-mana saksi yang dipanggil akan melihat SP4 meletakkan sampul tersebut di bilik sebelah dan diberikan kepada responden. Oleh kerana beban terlekat di atas bahu pendakwaan akan hal ini, maka beban ini tidak berjaya diasaskan dan mahkamah tidak boleh menganggap/*presumed* ianya telah dilakukan. Tiada keterangan yang diajukan responden telah sebenar-benarnya terima wang RM12,000 tersebut.

[24] Anggapan wang diterima atas alasan SP4 dan rakan-rakan dibebaskan adalah *circumstantial evidence* kata pihak perayu. Sama ada ianya satu *coincidence* atau kebetulan, beban masih lagi di atas bahu pendakwaan bahawa pembebasan SP4 dan rakan-rakan yang lain adalah kerana OKT telah pun menerima wang RM12,000 tersebut dan bukan atas sebab lain. Oleh kerana SP4 dibebaskan setelah ditahan remand, sudah tentu pembebasannya pun dibuat dengan perintah mahkamah oleh majistret.

[25] Bagi pertuduhan kedua pula, hakim mahkamah sesyen telah menilai keterangan SD1 akan perangkap yang diaturkan oleh SP4 dengan pihak BPR di restoran tiada seorang pun saksi-saksi BPR benar-benar melihat SP4 ada menyerahkan wang tunai RM3,000 kepada responden kerana wang berkenaan telah dijumpai dalam beg plastik mee. Keterangan saksi-saksi BPR (SP8), (SP9) tidak pasti akan penyerahan wang berlaku.

Kata nampak pergerakan tangan bawah meja. Keterangan SP12, 'saya surprised duit tiada ada pada Insp Goh' harus ditelitikan kerana wang perangkap tidak didapati daripada badan OKT/responden.

[26] Saya dengan itu merujuk kepada kes *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289 di mana Hakim Shaik Daud HMR menyatakan, bahawa adalah untuk hakim perbicaraan untuk mempertimbangkan sama ada percanggahan dan penyangkalan dalam bukti saksi pendakwa raya adalah penting. Oleh kerana hakim perbicaraan telah mendapati bahawa ianya tidak, mahkamah rayuan, oleh kerana tidak dapat melihat dan mendengar saksi-saksi berkenaan, tidak sepatutunya campur tangan dengan keputusan beliau berkenaan dengan kebolehpercayaan mereka.

KEPUTUSAN MAHKAMAH (FINDING)

[27] Setelah menelitikan keseluruhan alasan penghakiman di tahap kes

pembelaan, keterangan SD1, SD2 dan juga menilai semula keterangan SP4 dan saksi-saksi pendakwaan yang lain di tahap kes pendakwaan, saya dapati dan putuskan keputusan hakim mahkamah sesyen adalah betul dan tidak berlaku kekhilafan baik dari segi fakta mahupun undang-undang dalam memutuskan keterangan saksi-saksi SD1 dan SD2 telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan.

[28] Dengan itu, keputusan hakim mahkamah sesyen dalam membebaskan OKT/responden daripada kedua-dua pertuduhan dikekalkan dan rayuan perayu/pendakwaan adalah ditolak.

Rayuan perayu ditolak.

Reported by Mashrifah Ravendran